

23/03/1997

Anugerah lambang toleransi rakyat

RIYADH: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan Anugerah Antarabangsa Raja Faisal 1997 yang diterimanya sebagai lambang toleransi rakyat Malaysia beragama Islam dan bukan Islam.

"Anugerah ini adalah satu penghormatan tinggi kepada Malaysia dan rakyatnya yang beragama Islam dan bukan Islam kerana tanpa toleransi, sensitiviti dan saling menghormati antara satu dengan lain, Malaysia tidak akan muncul sebagaimana hari ini.

"Sikap itulah yang menjadikan Malaysia mampu mempunyai penduduk pelbagai kaum, politik yang stabil dan pertumbuhan ekonomi yang sangat menggalakkan," katanya pada majlis penerimaan anugerah itu.

Dr Mahathir menganggap kejayaan orang Melayu di Malaysia adalah kerana mengamalkan Islam sebagai cara hidup.

(END)